

BoleHik ACIS

eISSN: 2600-8289

Zulhijjah 1441 / Muharram 1442 — Ogos 2020

BIL: 25 / 2020



Poligami yang Diidamkan

Cerpen:

Anak

Merdeka

Tafsiran Mimpi
Nabi Yusuf AS dan
Pengurusan Ekonomi

Pendekatan

Amar Maaruf

Nahi Mungkar

Ciri-

ciri

Kafa'ah

Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin
(Rektor)

Penasihat:

Hisam Satari
(Ketua Pusat Pengajian Acis)

Editor:

Mu'allim Bin Mohd Bakri

Sidang Pengarang:

Mu'allim Bin Mohd Bakri
Siti Nur Husna Binti Abd Rahman
Dr. Adibah Bohari
Nur Syahirah Binti Mohd Noh

PENERBIT

UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1,
70300 Seremban 3,
Negeri Sembilan, Malaysia

Jika berminat untuk
menghantar sebarang artikel
atau komen, boleh email ke
buletin.acis.n9@gmail.com
muallim@uitm.edu.my

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada pembaca budiman sekalian. Alhamdulillah, Buletin ACIS siri keduapuluh lapan atau siri keduapuluh tiga yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Tajuk Fokus bulan ini adalah "**“Poligami yang Diidamkan”**". Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga, buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

Isi Kandungan

- ⇒ Poligami yang Diidamkan (3)
- ⇒ Cerpen: Anak Merdeka (8)
- ⇒ Pendekatan Amar Maaruf Nahi Mungkar (12)
- ⇒ Tafsiran Mimpi Nabi Yusuf AS dan Pengurusan Ekonomi (17)
- ⇒ Ciri-ciri Kafa'ah (20)

HAKCIPTA TERPELIHARA
Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan
sebulan sekali

Poligami yang di Idamkan

Oleh : Mu'allim Bin Mohd Bakri
(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Seremban)



Pendahuluan

Manusia di ciptakan Oleh Allah SWT sebagai khalifah di muka bumi ini. Lantaran itu, manusia telah di berikan hak sepenuhnya di atas segala apa yang ada di alam ini. Manusia dibekalkan dengan ajaran-ajaran yang membawa umat manusia menuju kemuliaan hidup di dunia dan akhirat. Ajaran-ajaran ini terkandung dalam syariat Islam dan hadir sebagai ajaran yang memberi rahmat bagi alam semesta.

Agama Islam pula merupakan agama yang sempurna dan universal, sehingga segala perkara kehidupan di dunia akan didapati segala kesimpulan

dan jawabannya di dalam Islam. Agama Islam juga sentiasa membawa rahmat bagi umat di seluruh dunia. Segala keputusan dan kesimpulan yang wujud dalam Islam tidak pernah meresahkan manusia dan dijamin tidak akan mengekang fitrah manusia. Namun sebaliknya, Islam akan menyelesaikan masalah itu secara tuntas dan tidak akan menyisihkan masalah serta Islam akan menyelesaikan perkara itu tanpa melanggar fitrah manusia.

Begitu juga di dalam permasalahan yang berkaitan dengan perkahwinan. Sesungguhnya Allah telah menetapkan pelbagai hukum yang bersesuaian di dalam al-Quran berkaitan dengan

perkahwinan. Tidak dinafikan lagi bahawa perkahwinan merupakan fitrah manusia. Malahan bukan manusia sahaja yang memerlukan perkahwinan, haiwan dan tumbuhan juga memerlukan perkahwinan. Perkara ini jelas sebagaimana firman Allah swt dalam Surah Yasin ayat 36 yang bermaksud: *Maha Suci Tuhan yang telah menciptakan pasangan-pasangan semuanya, baik dari apa yang ditumbuhkan oleh bumi dan dari diri mereka mahupun dari apa yang tidak mereka ketahui.*

Sesungguhnya Syariat Islam mempunyai keistimewaan yang tersendiri yang meliputi seluruh zaman dan tempat yang bersesuaian dengan tabiat dan fitrah manusia. Justeru itu, hukum-hukum berkaitan dengan kehidupan manusia hadir dengan kesesuaian keadaan manusia dan masyarakat selari dengan penetapan maslahah terhadap sesebuah kehidupan masyarakat itu.

Lantaran itu, di antara syariat Islam adalah diharuskan seorang suami berkahwin lebih daripada seorang atau poligami. Oleh yang demikian, seorang lelaki berhak untuk berkahwin lebih daripada seorang dengan syarat tidak melebihi daripada empat orang. Namun begitu, tetap wujud syarat-syarat yang sewajarnya di patuhi oleh seseorang lelaki yang ingin berkahwin lebih dari seorang atau berpoligami. Antara syarat yang paling penting sekali adalah hendaklah berlaku adil terhadap semua isteri-isteri yang dikahwininya.

Konsep dan dalil pensyariatan poligami dalam Islam.

Takrif poligami menurut kamus dewan edisi ketiga : "Amalan beristeri lebih daripada seorang pada masa yang sama". Di dalam bahasa arab amalan berpoligami

ini lebih di kenali sebagai "الزوجات" . Di dalam Islam poligami hanya di benarkan sehingga empat orang isteri sahaja.

Masalah poligami ini hukumnya adalah harus berdasarkan nas al-Quran dan al-Sunnah. Dalil berasaskan nas al-Quran adalah sebagaimana firman Allah dalam Surah al-Nisa' ayat 3 yang bermaksud: "*Dan jika kamu takut tidak akan dapat berlaku adil terhadap (hak-hak) perempuan yatim (bilamana kamu mengahwininya), maka kahwinilah wanita-wanita lain yang kamu senangi dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu takut tidak akan dapat berlaku adil, maka kahwinilah seorang sahaja, atau budak-budak yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat kepada tidak berbuat aniaya*".

Ayat ini diturunkan kepada Nabi saw. pada tahun kelapan hijriah. Ayat ini diturunkan untuk membatasi jumlah isteri pada batas maksima empat orang sahaja. Sebelum ayat ini diturunkan, jumlah isteri bagi seseorang lelaki tidak ada Batasan nya. Dengan memahami ayat ini, hanya empat orang saja. Ayat ini bermakna, "kahwinilah oleh kalian wanita-wanita yang memang dihalalkan bagi kalian untuk dinikahi: dua, tiga, atau empat. "Bilangan masna wa tsulasa wa ruba' (dua, tiga, atau empat) disebut secara berulang dan beriringan. Maknanya " Nikahilah oleh kalian wanita-wanita dari kalangan orang yang baik-baik dari jumlah seperti : dua-dua, tiga-tiga, atau empat-empat".

Dalil berasaskan sunnah pula adalah berdasarkan hadis yang di riwayatkan oleh Abu Daud dan Ibn Majah daripada Qis bin al-Haris berkata : *Aku telah memeluk agama Islam dan aku mempunyai sembilan isteri, maka datang Rasulullah SAW dan bersabda : pilih di antara isteri-isteri kamu*

empat orang.

Berdasarkan sunnah ini jelas menunjukkan bahawa Rasulullah SAW mengarahkan Qis bin al-Haris memilih empat orang sahaja daripada sembilan orang isterinya yang sedia ada. Daripada sunnah ini, jelaslah menunjukkan bahawa Islam membenarkan seorang lelaki yang berkemampuan bernikah sehingga empat orang isteri.

Sesungguhnya poligami bukanlah sesuai di praktikkan oleh semua lelaki. Hanya segelintir sahaja yang sesuai melakukan poligami. Mereka yang ingin melakukan poligami hendaklah memenuhi syarat-syarat yang telah di tetapkan oleh Syara'. Terdapat dua syarat yang penting agar poligami yang dilakukan tidak menimbulkan permasalahan yang lain. Syarat tersebut adalah :

- i) Berkemampuan.
- ii) Bersikap adil.


Syarat yang pertama adalah berkemampuan. Berkemampuan di sini adalah bermaksud mampu untuk memberi nafkah kepada semua isteri-isteri dan anak-anak mereka. Nafkah di sini termasuklah samada nafkah zahir mahupun batin. Manakala syarat yang kedua pula akan dijelaskan secara terperinci.

Tafsiran Adil dalam poligami.

Dr. Wahbah Zuhaili di dalam tafsirnya menjelaskan bahawa maksud adil di sini adalah adil di dalam memberi nafkah dan pembahagian bermalam. Mustafa al-Sibaie dalam kitabnya "Al-Mar'atu Bainal Fiqhi wal Qanun" ada menjelaskan pengertian adil dalam poligami merujuk kepada kemampuan seseorang suami untuk memberi layanan yang sewajarnya secara

adil kepada isteri-isterinya. Suami itu juga tidak boleh bersikap pilih kasih dalam penyediaan tempat tinggal, pakaian, makanan, giliran bermalam dan semua perkara yang berkaitan dengan pergaulan suami isteri.

Namun begitu, dalam urusan yang bersifat dalaman atau peribadi seperti rasa kasih, senda gurau yang tidak sama dan sebagainya tidak menjadi syarat di bawah pengertian adil tersebut. Keadilan yang dinyatakan di dalam ayat al-Quran ini lebih merujuk kepada tanggungjawab suami ke atas perkara-perkara luaran seperti menyediakan tempat tinggal, makanan, pakaian, giliran bermalam dan seterusnya. Giliran bermalam ini pula bukanlah merujuk kepada hubungan kelamin semata-mata tetapi adalah berada bersama isteri yang berhak mengikut jadual susunan walaupun tidak melakukan hubungan kelamin.



Aspek keadilan yang dituntut kepada seorang suami terhadap para isterinya bukanlah keadilan yang mutlak. Yang di maksud hanyalah sikap adil seorang suami terhadap isteri-isterinya sebatas yang masih berada dalam kemampuan manusia untuk merealisasikannya. Sebab, Allah Swt sendiri tidak membebani manusia kecuali dalam batas-batas kemampuannya. Dalam keadaan ini, Allah Swt. Berfirman dalam al-Quran, Surah al-Baqarah ayat 286 yang ber-

maksud: “Allah tidak membebani seseorang melainkan dalam batas-batas kesanggupannya”.

Memang benar, perkataan ta’dilu yang terdapat dalam ayat di atas berbentuk umum, sebagaimana firman Allah Swt dalam Surah al-Nisa’ yang bermaksud: *Kemudian jika kalian takut tidak akan berlaku adil*.

Pengertian adil dalam ayat di atas berbentuk umum, iaitu mencakupi setiap bentuk keadilan. Akan tetapi, kata yang bersifat umum ini kemudian dikhurusukan sesuai dengan kemampuan manusia berdasarkan keterangan ayat yang lainnya. Allah Swt. Berfirman dalam Surah al-Nisa’ ayat 129 yang bermaksud: “*dan sekali-kali tidak akan dapat berlaku adil diantara isteri-isteri kalian, walaupun kalian sangat ingin berbuat demikian. Oleh karena itu janganlah kalian terlalu cenderung (kepada yang kalian cintai) hingga kalian membiarkan yang lainnya terkatung-katung*”. (Surah an-Nisa : Ayat 129)

Dengan demikian, Allah Swt telah menjelaskan di dalam ayat ini bahawa seseorang suami mustahil dapat berlaku adil dan bersikap seimbang di antara isterinya sehingga ia tidak cenderung sama sekali atau tidak lebih dan tidak kurang terhadap kewajiban-kewajiban yang harus ditunaikan terhadap mereka. Oleh karena itu, para suami tidak dituntut untuk benar-benar berbuat adil secara sempurna dan harus mencapai puncak keadilan. Apa yang dibebankan oleh Allah Swt pada diri suami adalah sebatas kemampuan suami, dengan syarat, suami telah mengerahkan segala kemampuan dan potensi diri suami. Sebab, pembebanan taklif di luar kemampuan dapat digolongkan ke dalam tindakan kezaliman.

Pernyataan ini merupakan dalil bahawa seorang suami tidak akan dapat melakukan keadilan dalam membahagi cinta dan kasih-sayang, walaupun dapat berlaku adil di dalam perkara yang lain seperti menyediakan tempat tinggal, makanan, pakaian, dan giliran bermalam (inilah bentuk keadilan yang dituntut dan diwajibkan sebagaimana diungkap dalam ayat sebelumnya). Dengan itu, keadilan yang di tuntut adalah khusus di luar masalah cinta dan kasih sayang, dan tidak dalam masalah cinta dan kasih sayang. Oleh karena itu, dalam perkara ini iaitu kasih sayang dan cinta, tidak ada kewajiban untuk berlaku adil, kerana manusia tidak akan sanggup berlaku adil dalam masalah cinta dan kasih sayang.



Atas dasar ini, Allah Swt. telah membolehkan suami untuk bersikap cenderung kepada sebahagian isterinya, tetapi melarang bersikap cenderung secara total (membabi-buta) dalam setiap urusan kepada sebahagian isterinya itu. Bahkan sikap cenderung ini boleh dilakukan selama sesuai dengan tempatnya, iaitu dalam masalah cinta (kasih-sayang) dan selera (hasrat seksual).

Namun begitu, jangan sama sekali

seorang suami menunjukkan sayang yang lebih sehingga isteri yang lain berasa tidak tenang. Perasaan isteri perlu di jaga. Inilah yang di tunjukkan oleh Rasulullah dalam hubungannya dengan isteri-isteri baginda walupun kasihnya lebih tertumpah kepada Saidatina 'Aisyah.

Penutup

Kesimpulannya, segala perkara yang dipandang terpuji adalah semua yang memang di puji oleh syariat, dan yang tercela adalah semua yang memang dicela oleh syariat. Lantaran itu, yang dibolehkan oleh syariat merupakan perkara yang terpuji, dan yang dilarang adalah perkara yang tercela. Justeru itu, harus diingatkan bahawa poligami sama ada poligami yang memiliki pengaruh positif yang dapat dirasakan atau tidak, atau mampu memecahkan permasalahan yang terjadi atau tidak, telah dibolehkan oleh syariat. Jika Al-qur'an telah menyebut tentang kebenarannya, bererti perbuatan semacam ini dipandang sebagai tindakan yang terpuji. Sebaliknya tindakan yang melarang poligami dipandang sebagai perbuatan yang tercela.

Namun begitu, perlu ada penjelasan bahawa, Islam tidak menjadikan poligami sebagai satu kewajiban bagi muslim, tetapi

hanya menjadikannya sebagai sesuatu yang harus, iaitu boleh dilakukan jika memang perlu oleh mereka. Realiti semacam ini mengandungi pengertian bahawa, syariat Islam telah memberikan kepada manusia suatu kelonggaran yang boleh dilakukan jika memang diperlukan. Dengan demikian, adanya kebenaran poligami dan bukan merupakan kewajiban telah menjadikan poligami sebagai jalan keluar yang paling sesuai bagi manusia atau masyarakat yang benar-benar memerlukannya.

Rujukan

- ◊ 'Abd al-Hadi Muhammad Zar' (Dr.) (1997), al-Dhowabit al-Syar'iah Lilziwaj Wa al-Tholak, Iskandariah (Mesir), Dar al-Misriah.
- ◊ Hj. A. Aziz bin Deraman (2002), Kamus Dewan Edisi Ketiga, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka
- ◊ Mustafa Siba'ie (Dr.), Terj. Oleh Sdr. Halimuddin (1986), Wanita Menurut Syariat Islam Dan Peradaban Moden (Terj. Al-Mar'atu Bainal Fiqhi wal Qanun), Kuala Lumpur, Pustaka Antara.
- ◊ Wahbah al-Zuhaili (Prof.)(Dr.)(1998), al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Shari'ah wa al-Manhaj, Beirut Lubnan, Dar al-Fikr al-Mu'asir
- ◊ _____(2002), al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu, Beirut, Dar al-Fikr.
- ◊ Yayasan Penyelenggara Penterjemah / Pentafsir al-Quran (2002), al-Quran dan Terjemahnya, Arab Saudi, Kompleks Pencetakan al-Quran al-Karim kepunyaan Raja Fahd.



Cerpen :

Anak Merdeka

Oleh : Siti Nur Husna Binti Abd Rahman
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Kuala Pilah)

Firdaus memang selalu mendengar ibunya berkata, tapi sayang Firdaus tidak pernah percaya apa yang telah diceritakan ibunya kepadanya selama ini tentang Pak Ali. Telah banyak yang berbicara tentang Pak Ali, malah boleh dikatakan semua orang-orang tua di kampungnya tahu akan cerita Pak Ali.

Walauapapun yang diceritakan oleh orang ramai, Firdaus tetap dengan pendiriannya yang keras hati. Firdaus memang tidak sukaan Pak Ali. Malah perasaan jijik juga terselit dihatinya apabila melihat keadaan Pak Ali yang pencang kakinya dan mengerut pula wajahnya itu.

Petang itu, pulang dari sekolah, Firdaus terus ke rumahnya. Dilihatnya

ibunya sedang asyik berbual dengan Pak Ali. Kelihatannya amat mesra sekali. Entah apa yang mereka bualkan Firdaus kurang pasti.

"Tiap hari nak hantar makanan. Eee... Ibu ni dah kena puja dek pak Ali tu agaknya. Memang Pak Ali suka buat hal, tak sedari diri, muka dah kereput, masih mahu mengatal," kata Firdaus dengan geram sekali. Rasa-raanya ingin saja dia menembak kepala orang tua nyanyuk itu.

"Ibu...! Tak ingat nak pulang ke? Firdaus dah lapar ni, jangan anak kelaparan, kera tua pula diberi makan," tajam sungguh kata-kata yang diluangkan oleh Firdaus dari rumahnya yang kebetulan bersebelahan dengan rumah Pak Ali.

Setiap kali kawan-kawan

Firdaus bercerita tentang kehebatan Pak Ali sewaktu zaman penjajah Jepun dulu, pasti Firdaus tergelak mendengarnya.

"Apa yang kamu percaya dengan cerita karut tu, lihatlah sendiri, Pak Ali yang bongkok lagi pincang kakinya itu kamu katakan gagah perkasa? Tidak dapat kubayangkan, bagaimana agaknya dia berlawan dengan tentera Jepun dengan keadaannya yang begitu," kata-kata Firdaus terhenti disitu, namun diakhiri dengan ketawanya yang pecah. Tiba-tiba Firdaus menoleh ke arah Rashid.

"Engkau sajalah jadi macam Pak Ali, Rashid," Firdaus menuding ke arah Rashid. Rashid menepis tangan Firdaus, mukanya kelihatan kemerah-merahan menahan

marahnya. Rashid benar-benar sakit hati melihat perangai Firdaus yang biadap itu. Rashid mengambil keputusan pergi dari situ. Diikuti pula oleh Hassan yang kebetulan pembonceng setia motosikal Rashid.

"Hei...! Kenapa ni, tak kan itu pun nak marah," Firdaus melambai kedua sahabat karibnya itu, namun langsung tidak diperdulikan oleh Rashid dan Hassan.

"Ini dah lebih ni. Kalau Rashid dan Hassan pun dah pandai belot. Nak kena betul orang tua ni. Entah apa pula ilmu yang dia pakai, Firdaus bergegas menunggang motosikalnya dan terus menuju ke rumah Pak Ali.

Sesampai di halaman, dilihatnya Rashid dan Hassan sedang berbual-bual dengan Pak Ali di beranda rumah papan yang bertiang itu. Kemarahan Firdaus semakin membara apabila melihat kedua-dua sahabatnya berada di situ.

"Ooh...! Kau orang tinggal-kan aku, ke sini pula kau orang mengadu ya?" marah Firdaus.

"Hei si pencang bongkok! Turun kau, aku datang nak buat perhitungan hari

ini.Kau benar-benar telah mencabar kesabaran aku," herdik Firdaus. Rashid dan Hassan ketakutan dibuatnya, lebih-lebih lagi Firdaus memang terkenal dengan kaki pukulnya. Ibu Firdaus pula meninjau-ninjau dari jendela rumahnya. Dia bimbang kalau-kalau anak lelakinya itu buat hal kali ini.

Pada waktu itu, Pak Ali yang menjadi sasaran Firdaus kelihatannya tenang saja mempersilakan Firdaus nak ke rumahnya..

"Naik ke rumah? Rumah macam ni, rumah yang dah nak mampus macam tuannya. Hei! Sedarlah sikit, aku tidak akan mencecahkan kakiku di rumah orang yang telah membunuh ayahku sendiri. Tui...!" Firdaus berludah kekiri.

"Sabarlah nak Firdaus jadilah anak merdeka yang bersopan, jangan biarkan diri dijajah oleh hawa nafsu, bawa banyak-banyak mengucap," wajah kedut tua Pak Ali masih lagi tenang ketika itu.

"Jangan cuba nak menasihati aku Pak Ali. Aku pelajar terbaik disekolah, aku tahu apa yang aku buat. Janganlah cuba berlindung disebalik

nasihat-nasihatmu Pak Ali, aku tahu apa sebenarnya yang terjadi. Pak Alilah yang bertanggungjawap atas kematian ayah," Pak Ali mengelengkan kepalanya.

"Kau salah faham nak," kata Pak Ali perlahan sesuai dengan keadaannya yang telah tua itu.

"Mata ini sendiri yang menjadi saksi Pak Ali. Tangan Pak Ali tulah yang mencabut parang yang menikam perut ayah," kata Firdaus sambil menentang wajah Pak Ali.

"Tapi bukan aku yang menikamnya..." kata-kata Pak Ali terputus.

"Janganlah Pak Ali cuba menipu aku, ibu mungkin dapat Pak Ali tipu, tapi bukan aku Pak Ali. Aku tahu, Pak Ali sebenarnya dengki. Pak Ali mahu memikat ibu. Dengan kematian ayah, senanglah Pak Ali mengoda ibu kan," tiba-tiba satu tampanan hinggap dipipi Firdaus. Entah bila perempuan setengah abad itu datang, Firdaus sendiri tidak menyadarinya.

"Ibu tidak pernah mengajar kau berkara begitu Firdaus. Kau tak tahu, banyak jasanya kepada keluarga kita," terang ibu Firdaus.

"Ibu jangan ikut campur, ini urusan lelaki. Firdaus tak sangka ibu sanggup menyebelahi leleki pembunuhan ayah ini, air jernih yang bergenang dikelopak mata ibu tua itu tiba-tiba meluncur laju menuruni lurah-lurah tua di pipinya.

Satu demi satu anak tangga dituruni oleh pak Ali. Manakala Rashid dan Hassan sudah sejak tadi menghilang.

"Sudahlah Firdaus, jangan jadi anak derhaka di zaman merdeka ini, jadilah anak bangsa yang berguna," Pak Ali menepuk bahu Firdaus, pantas sekali Firdaus menepisnya.

Kemarahan Firdaus semakin membuka. Di-capainya salah satu batang-batang kayu yang tersusun kemas di sudut halaman itu. Hayunan pertama Hamid kepada Pak Ali tidak mengena, tanpa disangka disebalik ketuaan, ketangkasan Pak Ali masih terserlah ketika itu. Firdaus bukanlah orangnya yang mudah putus asa. Percubaan kedua mesti dilancarkan.

"Baap!" Kali ini mengena, tapi sayang, ianya telah mengenakan tubuh ibunya yang tiba-tiba saja menerpa ke arah Firdaus. Ibu Firdaus

tersungkur lalu terjatuh.

"Ibu..."! Pak Ali terperanjat. Tanpa berlengah Pak Ali terus menghampiri ibu Firdaus. Kemarahan Firdaus ketika itu semakin memuncak.

"Jangan sentuh ibuku," kata -kata Firdaus tidak diperdulikan oleh Pak Ali. Dengan bersusah payah Pak Ali cuba membantu ibu Firdaus. Bertambah esak tangis perempuan itu melihat perangai anaknya yang banyak berubah semenjak ayannya meninggal tiga bulan yang lalu.

Melihat saja Pak Ali yang tidak memperdulikan amaran Firdaus itu, Firdaus segera mengambil kesempatan memukul Pak Ali bertalu-talu. Darah mengalir. Pak Ali rebah. Ibu Firdaus menangis. Melihat saja darah yang tidak berhenti mengalir itu, Firdaus menjadi lemah. Ketakutannya tiba-tiba menyelubungi dirinya.

"Apa yang telah kulakukan," Firdaus mengeluh. Perlahan-lahan dia menghampiri Pak Ali. Keegoannya hilang. Simpati pula yang menyusul.

"Pak Ali... Pak Ali!" Firdaus terjerit -jerit memanggil nama Pak Ali dan sambil

mengoyang-goyangkan badan Pak Ali. Pak Ali yang tertutup matanya tadi akhirnya membuka matanya perlahan-lahan. Pak Ali merenung Firdaus. Tiada wajah benci terpamir di-wajah tua itu.

"Nak! Pak Ali tidak membunuhan ayahmu, dia tertikam sendiri dengan parangnya sewaktu jatuh dari pokok kelapa, Pak Ali hanya mencabut parang itu saja, itu pun atas permintaan ayahmu nak. Firdaus, andainya Pak Ali mati, jalah ibumu baik-baik nak, itu pesan ayahmu. Pak Ali mahu kau jadi anak merdeka yang berguna nak. Jangan sia-siakan masa mudamu. " Kelelakian Firdaus tercabar ketika itu, air mata yang ditahannya akhirnya tertumpah juga.

"Kau degil nak, kau degil. Dialah yang menyelamatkan ibu dan ayah sewaktu ibu hampir diperkosa oleh tentera Jepun nak, dia jugalah yang menyelamatkan ayahmu dari ditawan tentera Jepun. Inikah balasanmu terhadap orang yang berjasa kepada keluarga kita?" Inikah balasannya?" Firdaus memeluk Pak Ali yang semakin lemah itu. Pilu rasa hati Firdaus mendengar kata-kata ibunya itu.

"Firdaus tak tahu ibu, Firdaus tak tahu, oh Pak Ali, maafkan Firdaus," Firdaus benar-benar menangis ketika itu mengenangkan semua salahlakunya yang telah dilakukan kepada Pak Ali selama ini.

"Kau yang tidak mahu tahu Firdaus. Tahukah kau, kecacatannya yang kau jijikan selama ini berpunca dari ibu dan ayah yang ingin diselamatkannya dari terkena letupan bom musuh. Tapi sayang dia pula yang menanggung

derita," kata ibu Firdaus dalam sendu. Tiba-tiba mata Pak Ali tertutup rapat.

"Pak Ali...!" Firdaus bagi hesteria ketika itu.

Kenangan itu tidak pernah hilang dari ingatan Firdaus. Peristiwa itu benar-benar menjadi penjajaran kepada Firdaus sendiri.

Pagi itu, 31 haribulan Ogos, orang ramai sudah sedia berkumpul di dataran merdeka. Berbagai-bagai pakaian yang dipakai oleh kontegen-kontegen yang

terlibat dalam perbarisan.

Apa yang amat membanggakan Firdaus, dia telah diberi kepercayaan untuk membantu mendorong kereta roda yang digunakan oleh Pak Ali sewaktu terpilih menerima anugerah rakyat berjasa. Anugerah itu telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri dipagi yang ceria itu.

"Aku pasti akan jadi anak merdeka yang berjasa," bisik hati Firdaus.



Pendekatan Amar Maaruf Nahi Mungkar

Oleh : Dr. Adibah Bohari
(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Rembau)

Manusia merupakan khalifah Allah di muka bumi. Ianya dipertanggungjawabkan untuk menegakkan kebaikan dan mencegah perkara yang mungkar. Dari perspektif Islam institusi hisbah adalah merupakan satu instrumen khusus berperanan menegakkan kebenaran dan menolak perkara yang batil dan bertentangan dengan syariat Islam.

Setiap individu bertanggungjawab untuk mengelak dan menahan diri daripada melakukan perkara yang melanggar syariat sebagai kawalan bagi peringkat pertama

terhadap dirinya sendiri. Manakala masyarakat pula berperanan untuk saling tegur menegur sekiranya berlaku sebarang kemungkaran.

Malah, kesalahan terhadap agama yang menjadi skop penguatkuasaan adalah merujuk kepada perbuatan atau perlakuan yang berlaku dalam domain awam yang juga berkaitan dengan konsep makruf dan mungkar. Makruf ialah perbuatan atau perkataan yang baik menurut syarak yang perlu dijaga. Mungkar pula adalah perbuatan dan perkataan buruk yang



ditegah oleh syarak dan perlu dicegah. Penguatkuasaannya pula berkaitan dengan konsep amar makruf dan nahi mungkar iaitu menyuruh yang baik dan mencegah yang buruk yang merupakan tanggungjawab sosial umat Islam secara keseluruhan. Sebarang perbuatan yang tercela dari segi moral dikhayal awam juga perlu dikawal dengan cara menasihati dan memberi amaran agar anggota masyarakat tidak melakukan perkara yang boleh melanggar prinsip moral dalam masyarakat.

Maka, telah menjadi keperluan untuk menegur dan melarang perbuatan yang melanggar syariat yang berlaku dalam masyarakat supaya konsep rahmatan lil 'alamin dapat dicapai dalam kehidupan di dunia dan akhirat. Prinsip mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran ini merupakan asas kepada pelaksanaan al-siyasah al-syar'iyyah dan selari dengan konsep maqasid syariah. Pelaksanaan prinsip ini juga tidak hanya tertumpu kepada institusi hisbah malah telah melibatkan seluruh institusi Islam samada ketenteraan, polis, kehakiman, kewangan dan sebagainya.

Kewajipan Setiap Manusia

Apakah hukum melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar? Imam Ghazali rhm. Meletakkan hukum bagi pelaksanaan ini sebagai fardhu kifayah dan bukannya fardhu ain. Jika sudah ada golongan yang melaksanakannya, maka seluruh Muslim akan terbebas daripada dosa akibat tidak melaksanakannya. Tetapi sekiranya golongan yang berkenaan tiada, maka seluruh umat Islam berdosa. Ini berdasarkan firman Allah s.w.t. yang bermaksud: "Dan hendaklah ada di antara kamu

segolongan umat yang menyuruh kepada yang makruf dan mencegah daripada yang mungkar, merekalah orang yang beruntung." (Ali Imran, 3:104).

Namun, sekiranya kemungkaran itu berlaku di hadapan mata, maka ramai ulama berpendapat hukum melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar adalah wajib. Ini berdasarkan hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: "*Sesiapa daripada kalangan kamu yang meihat kemungkaran, maka hendaklah dia mengubahnya dengan tangan. Sekiranya dia tidak mampu, maka dia hendaklah mengubahnya dengan lidah. Jika tidak mampu, maka ubahlah ia dengan hati dan itulah selemah-lemah iman.*" (Riwayat Ahmad, Muslim dan Abu Daud).

Dr. Yusuf al-Qaradawi menegaskan, perkataan umum sebagaimana yang dikatakan oleh ulama usul fiqah. Menurut beliau, ia merupakan saranan umum kepada setiap orang yang melihat kemungkaran sama ada pemerintah atau rakyat jelata.

Menurut beliau lagi, hadis itu jelas



menunjukkan bahawa tugas amar makruf dan nahi mungkar ialah tanggungjawab setiap muslim yang melihatnya. Ia tugas yang dimulakan oleh Rasulullah s.a.w. dan para sahabat sehingga generasi terkemudian. Jika tanggungjawab ini

diabaikan, setiap individu diancam dengan kerugian di dunia dan akhirat. Allah memberi peringatan kepada manusia, maksudnya: *“Demi masa! Sesungguhnya manusia itu berada dalam kerugian. Kecuali orang yang beriman dan beramal soleh serta orang yang berpesan dengan kebenaran dan kesabaran.”* (Surah al-‘Asr 103: 1-3)

Melaksanakan Amar Makruf

Walaupun perbuatan amar makruf dan nahi mungkar perlu dilaksanakan seiring dan bersepada antara kedua-duanya, pasti terdapat hikmah yang tersembunyi apabila amar makruf disebut terlebih dahulu. Justeru usaha menyuruh kepada kebaikan sangat penting dilaksanakan kerana itu akan memberi kesan secara langsung dalam usaha mencegah kemungkaran. Hubungan kedua-duanya umpama sayap kanan dan kiri untuk membolehkan seekor burung terbang dengan stabil. Maka, begitulah hubungan kesalingan antara amar makruf dengan nahi mungkar - sepadu dan tidak boleh dipisahkan!

Para ulama telah menggariskan beberapa langkah untuk mengislahkan diri dan masyarakat secara berkesan dan berterusan. Langkah-langkah amar makruf ini penting dengan membina kebaikan sebelum usaha meruntuhkan kejahatan dilaksanakan. Biarpun usaha “membina” mengambil masa yang lama berbanding usaha “meruntuh”, ia tetap perlu dilaksanakan. Antara langkah-langkah amar makruf yang perlu dilaksanakan dengan iltizam yang tinggi ialah:

1. Menutup pintu-pintu kejahatan (sad al-zara'i)

Apabila arus kesedaran dan penghayatan

Islam semakin meningkat, langkah amar makruf yang seterusnya adalah menutup pintu-pintu ke arah kemaksiatan dan kemungkaran. Usaha ini perlu digiatkan secara optimum agar para wanita menutup aurat dengan sempurna, masyarakat menjauhi pergaulan bebas dan hiburan yang melampaui batas hingga boleh membawa kepada perzinaan dihentikan.

Antara perkara-perkara yang membuka ruang berlakunya kemungkaran yang besar perlu ditutup rapat-rapat ialah riba dalam institusi kewangan, gejala sosial seperti arak, dadah, kegiatan pelacuran, hiburan melalaikan dan sebagainya.

Usaha dakwah dan tarbiah yang dilaksanakan sebelumnya akan mendidik umat berubah dari dalam ke luar kerana takut dan cinta kepada Allah dan yakin adanya pembalasan pada hari akhirat nanti. Namun, ini tidak bermakna perlu meminggirkan usaha menutup dan menyekat kesemua kemungkaran itu dengan kuasa yang ada pada pemerintah.



2. Mendidik dan membimbing

Kepada yang datang dan belum sedar, kita cari dan hampiri mereka untuk berdakwah. Namun setelah umat sedar dan inginkan perubahan, mereka pula akan datang untuk ditarbiah. Majlis pengajian yang rasmi dan tidak rasmi perlu diadakan secara berterusan agar umat Islam terdidik secara

langsung oleh murabbi dan ulama. Dalam majlis pengajian ini, umat Islam dididik dan dilatih untuk menegakkan sistem hidup berlandaskan syariat.



Tidak cukup dengan ilmu, umat Islam perlu dibimbing sama ada dalam ibadah khusus dan umum, secara bersistematik. Majlis pengajian perlu dilanjutkan dengan pembentukan usrah, majlis zikir, tamrin (bengkel latihan), kem ibadah dan program-program lain yang lebih khusus dan eksklusif untuk mendidik umat secara lebih dekat.

3. Berdakwah dan memberi kesedaran

Umat perlu disedarkan dengan tujuan hidupnya dengan seruan yang ikhlas dan istiqamah. Dakwah ialah usaha merubah hati agar kebaikan dilaksanakan dan kemungkaran ditinggalkan dengan rela tanpa paksaan. Manusia perlu dikenalkan kepada Allah dan hari akhirat agar mereka merasai setiap perkara yang dilakukan di dunia pasti dilihat oleh Allah dan akan diberi balasan pada hari akhirat nanti. Inilah seruan kepada iman dan Islam yang menjadi sumbu untuk menyalakan cahaya Islam dalam diri, keluarga, masyarakat, negara dan dunia.

4. Mewujudkan jalan alternatif keluar daripada kemungkaran

Sistem hidup Islam yang merangkumi bidang pendidikan, ekonomi, sosial, hiburan dan lain-lain perlu ditegakkan secara aktif dan progresif. Slogan Islam is the way of life mesti menjelma dalam realiti sebenar agar masyarakat Islam dan bukan Islam boleh bernaung dan mengambil manfaat daripadanya.

Sistem ekonomi, zakat dan kewangan Islam yang mantap akan memberi peluang pekerjaan dan membela fakir miskin agar mereka tidak terjebak dengan jenayah rompak dan curi. Sistem perbankan Islam pula akan menyelamatkan orang kaya dan berada daripada cengkaman riba. Anak-anak dididik dengan sistem pendidikan Islam bermula peringkat tadika sehingga universiti hinggakan sistem pendidikan sekular boleh dipinggirkan dengan mudah.



Sistem munakahat yang praktikal dan realistik pula akan memudahkan para remaja bernikah dengan baik, para janda dan ibu tunggal diberi pembelaan yang sewajarnya sehingga terselamat daripada jenayah zina. Begitu juga dengan bidang media massa, hiburan, sukan dan lain-lain lagi semuanya akan memberi jalan keluar kepada umat Islam daripada perangkap sistem hidup yang tidak islamik.

Dengan ini, orang yang melakukan kemungkaran nanti hanya orang yang benar-benar jahat, betul-betul tidak menginginkan

kebaikan (walaupun jalan kebaikan sudah terbentang luas) dan sangat derhaka kepada Allah. Maka, layaklah dengan kedegilan yang terlampau itu pelaku kemungkaran dihukum dengan keras secara disebat dengan rotan, direjam dan dipotong tangan. Prinsip Islam jelas; mendidik dahulu, kemudian menghukum!

Pelaksanaan hukum Islam tidak boleh dilihat secara terpisah dan dilaksanakan dengan kaedah tercerai-berai. Tegasnya, langkah-langkah amar makruf sangat berkait rapat dengan usaha pencegahan kemungkaran selepasnya. Ulama tersohor; Dr. Yusof al-Qaradawi semasa mengulas tentang keperluan asasi bagi pelaksanaan syariat Islam telah menulis:

“Setiap aspek dalam ajaran Islam bukanlah sesuatu yang terpisah. Setiap satunya merupakan penyempurna kepada aspek yang lain. Sebagai contoh, hukuman

bagi kesalahan zina hanya boleh dilaksanakan apabila peluang untuk berkahwin dibuka seluas-luasnya bagi sesiapa yang ingin berkahwin dan segala yang membawa ke arah zina disekat. Begitu juga jenayah curi. Keadilan Islam tidak akan tercapai apabila hukuman potong tangan dijalankan, tetapi dalam masa yang sama kewajipan zakat diabaikan, prinsip takaful ijtimai’ dan penindasan serta kezaliman tidak dihapuskan.”

Bagi al-Qaradawi, undang-undang semata-mata belum menjamin kejayaan bagi pelaksanaan syariat Islam. Perkara yang penting untuk dilaksanakan adalah dengan mewujudkan generasi Muslim yang betul-betul menghayati roh Islam sama ada diperingkat individu, masyarakat, para hakim serta kerajaan sebagai pelaksana undang-undang.



Tafsiran Mimpi Nabi Yusuf A.S dan Pengurusan Ekonomi

Oleh : Nur Syahirah Binti Mohd Noh
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Kuala Pilah)

Raja Mesir pernah bermimpi dengan mimpi yang aneh sehingga mimpi itu menggusarkan Baginda. Lalu seorang pegawai istana telah memanggil Nabi Yusuf A.S yang ketika itu berada di dalam penjara untuk menafsirkan mimpi Baginda.

Penjelasan mimpi itu dirakamkan di dalam Al-Quran, Surah Yusuf ayat 46 hingga 49 yang bermaksud:

(Setelah ia berjumpa dengan Yusuf, berkatalah ia): "Yusuf, Wahai orang yang benar (pada segala-galanya)! tafsirkanlah kepada kami (seorang bermimpi melihat): tujuh ekor lembu yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus; dan tujuh tangkai

(biji-bijian) yang hijau serta tujuh tangkai lagi yang kering; (tafsirkanlah) supaya aku kembali kepada orang-orang yang mengutusku itu, semoga mereka dapat mengetahui tafsirannya" (46). Yusuf menjawab: Hendaklah kamu menanam bersungguh-sungguh tujuh tahun berturut-turut, kemudian apa yang kamu ketam biarkanlah dia pada tangkai-tangkainya; kecuali sedikit dari bahagian yang kamu jadikan untuk makan (47). Kemudian akan datang selepas tempoh itu, tujuh tahun kemarau yang besar, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya; kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih) (48). Kemudian akan



datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan, dan padanya mereka dapat memerah (hasil anggur, zaitun dan sebagainya) (49).

Bertepatan dengan pepatah Melayu ‘sediakan payung sebelum hujan’, di dalam Al-Quran juga menerangkan kepada kita bahawa kita perlulah bersedia dengan sebarang kemungkinan kesusahan yang bakal menimpa di masa akan datang. Oleh itu, umat Islam dinasihatkan agar mengasingkan sedikit hasil dan rezeki yang diperolehi untuk simpanan pada masa akan datang.

Pada sudut ekonomi Islam, manusia digalakkan untuk bekerja bersungguh-sungguh ketika ekonomi sedang berkembang, berbelanja secara sederhana dan mengumpul simpanan yang banyak. Hal ini demikian kerana, ketika ekonomi berkembang, kebanyakan manusia mempunyai pekerjaan dan gaji. Maka dengan gaji yang diperolehi, ia mampu dijadikan simpanan. Manakala, apabila ekonomi merudum, akan ramai manusia hilang pekerjaan atau hilang sumber pendapatan, dan ketika itulah simpanan yang dikumpul ketika ekonomi berkembang itu akan digunakan.

Berbeza pula dengan pendapat ekonomi konvensional, ketika ekonomi berkembang, manusia hendaklah menggunakan pendapatan sepas-puasnya kerana kepuasan kehendak Individu yang maksimum merupakan tujuan utama dalam ekonomi konvensional.

Tafsiran mimpi Nabi Yusuf A.S juga amat sesuai diaplikasikan dalam pengurusan ekonomi negara. Buktinya, strategi Nabi Yusuf A.S ini telah berjaya menyelesaikan krisis ekonomi Kerajaan Mesir pada zaman pemerintahannya.



Hisyam dan Luftan (2011) menghuraikan nilai-nilai unggul yang boleh dipelajari daripada kisah ini adalah setiap manusia mahupun negara memerlukan kaedah penyimpanan yang baik dan efisien. Tafsiran Nabi Yusuf A.S menyuruh manusia agar mengumpul simpanan ketika ekonomi berkembang dan gunakannya ketika ekonomi gawat. Walaupun dikhurasukan di dalam Al-Quran kepada penyimpanan makanan, namun, ia teraplifikasi kepada penyimpanan harta secara umum.



Perancangan yang tepat dan berkesan juga mampu menyelamatkan ekonomi individu dan negara. Kita perlu mengimbangi pengurusan penghasilan harta, simpanan, perbelanjaan dan pelaburan. Seperti yang dirakamkan di dalam Al-Quran, Nabi Yusuf A.S mengajar agar bercucuk tanam dan menyimpan selama tujuh tahun dan menggunakan simpanan itu untuk tujuh tahun berikutnya. Ia menunjukkan Nabi Yusuf A.S seorang yang futuristik dan mempunyai pandangan dan perancangan yang jauh.

Nabi Yusuf A.S juga menyeru agar manusia dan negara berbelanja mengikut keutamaan dan besederhana dalam perbelanjaan. Menurut Ali Ahmad (1999), Nabi Yusuf A.S mengatakan “maka dihimpunkan kepadanya dan dibelanjakan tiap-tiap satu rumah dengan kadar orangnya dan nafkahnya atas kira-kiranya.” Perbelanjaan perlulah dirancang dan digunakan secara optimum bagi mengelakkan pembaziran dan kebocoran sumber kepada perkara yang sia-sia.

Seterusnya, nilai yang dapat diambil daripada tafsiran mimpi ini adalah

pengurusan risiko yang cekap mampu mengurangkan impak negatif kepada sesebuah negara dan juga individu. Menurut Lim (2003) Pengurusan risiko dapat ditakrifkan sebagai suatu proses yang sistematik untuk mengenalpasti dan menilai risiko yang mungkin dihadapi. Kemudian memilih dan melaksanakan teknik-teknik pengendalian risiko yang paling sesuai untuk mengawasi risiko yang telah dikenalpasti selaras dengan matlamat individu atau organisasi tersebut. Ali Ahmad (1999) menukikan bahawa Nabi Yusuf A.S mengatakan Maka menyeru Yusuf a.s. akan segala manusia jangan kamu tanam sesuatu hingga lalu masa tujuh tahun ini. Maka bahawasanya binasa benih kamu dan tiada tumbuh bagi kamu sesuatu.”

Kesimpulannya, di dalam Al-Quran telah diterangkan secara jelas cara mengendalikan ekonomi bagi individu dan juga negara. Nabi Yusuf A.S membuktikan bahawa pengurusan ekonomi Islam adalah satu sistem yang lengkap dan praktikal. Maka, setiap individu muslim dan negara Islam sepatutnya menjadikan ekonomi dan muamalat Islam sebagai pilihan dalam urusan harian.



Ciri-ciri Kafa'ah

Oleh : Siti Nur Husna Binti Abd Rahman
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Kuala Pilah)

Fuqaha bersepakat hanya aspek agama sahaja yang diambil kira dalam menentukan sekufu atau tidak sesebuah pasangan suami isteri. Menurut Mazhab Syafii, ciri-ciri kafa'ah terdiri dari enam perkara. Antaranya ialah:

Keturunan

- sekufu dari segi keturunan bermaksud pasangan tersebut adalah sebangsa. Ia merupakan hak kepada bakal isteri dan walinya. Walau bagaimanapun, sekiranya mereka bersetuju, ia tidak menjadi halangan dalam meneruskan perkahwinan

Merdeka

- Jumhur fuqaha meletakkan aspek merdeka sebagai salah satu ciri-ciri kafa'ah. Seorang hamba lelaki tidak sekufu dengan perempuan merdeka

Beragama Islam

- antara hikmah pemilihan wanita yang beragama dan berakhhlak ialah agama akan terus kukuh bersama-sama peredaran zaman. Bahkan akhlak pula akan terus mantap bersama hari-hari yang berlalu di samping pengalaman hidup. Apabila setiap pasangan menjadikan agama akhlak sebagai asas utama dalam kehidupan, ia mampu menjamin kelangsungan cinta dan kasih sayang yang berkekalan.

Pekerjaan

- Seorang perempuan dan sebuah keluarga yang memiliki pekerjaan yang terhormat, tidak sekufu dengan lelaki yang memiliki pekerjaan kasar. Namun, sekiranya pekerjaan mereka hampir sama dalam tahapnya, maka perbezaan sebegitu tidak perlu diambil kira

Kekayaan

- Kekayaan yang dimaksudkan ialah memiliki harta untuk membayar mahar dan nafkah kepada isterinya. Menurut Ensiklopedia Keluarga Muslim, mahar tidak termasuk dalam hal ketidakmampuan memberi nafkah yang dianggap sebagai syarat sekufu. Hal demikian, mahar boleh diperolehi melalui bantuan keluarga atau sahabat.

Selamat dari Sebarang Kecacatan

- Seorang lelaki yang cacat jasmani yang ketara tidak sekufu dengan perempuan yang sihat dan normal.